



PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA DAN AKREDITASI PENUH DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Merujuk kepada Perutusan Khas YAB Perdana Menteri berkaitan penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia pada 13 Mac 2020, arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan Malaysia pada 16 Mac 2020 dan pelanjutan PKP pada 25 Mac 2020, adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah membuat pertimbangan sewajarnya dengan mengambilkira keperluan dan kekangan yang mungkin dihadapi oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) semasa dan pasca tempoh PKP. Oleh itu, pihak Pengurusan MQA telah membuat keputusan terhadap proses penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh seperti berikut:

- 1) Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA) yang dijadualkan pada 31 Mac 2020 ditunda ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak. PPT boleh merujuk laman web MQA dari semasa ke semasa untuk mengetahui penjadualan semula tarikh MJA.
- 2) Bagi permohonan bulan Februari yang tidak lengkap, tempoh penghantaran maklumat tambahan adalah dilanjutkan secara automatik, iaitu **14 hari selepas PKP berakhir**. (Sekiranya PKP berakhir pada 14 April 2020, tempoh akhir penghantaran maklumat tambahan adalah pada 28 April 2020).
- 3) Bagi penilaian Akreditasi Sementara, tempoh penghantaran maklum balas oleh PPT terhadap laporan penilaian Ahli Panel Penilai (APP) juga dilanjutkan secara automatik kepada semua program yang terlibat. Tempoh akhir penghantaran maklum balas yang baharu adalah **14 hari selepas PKP berakhir**. (Sekiranya PKP berakhir pada 14 April 2020, tempoh akhir penghantaran maklum balas adalah pada 28 April 2020).
- 4) Semua lawatan penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh yang telah dijadualkan antara 18 Mac 2020 sehingga 8 Mei 2020 adalah **ditangguhkan**. MQA akan menghubungi PPT yang terlibat bagi tujuan penjadualan semula tarikh lawatan yang baharu.
- 5) Susulan daripada perkara (1) sehingga (4), keseluruhan proses penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh program dalam tempoh PKP dijangka mengambil masa yang lebih panjang berbanding tempoh yang ditetapkan oleh piagam pelanggan.
- 6) Jika terdapat sebarang persoalan berkaitan proses penilaian program yang spesifik, PPT boleh menghubungi pegawai yang bertanggungjawab memproses program tersebut menerusi e-mel. Manakala bagi persoalan yang bersifat umum seperti dasar, nilai taraf kelayakan dan sebagainya, PPT boleh menyalurkan soalan tersebut menerusi Sistem Pengurusan Pertanyaan Aduan MQA di <https://www2.mqa.gov.my/sppav2>.